

Peratusan cemerlang UPSR di Perak merosot

IPOH 19 Nov. - Peratusan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang mencatatkan keputusan cemerlang di Perak merosot sebanyak 0.27 peratus tahun ini berbanding tahun lalu.

Pengarah Pelajaran Negeri Perak (JPNP), Mohd. Radzi Abd. Jabar berkata, hanya 3,937 daripada 44,846 calon berjaya mencapai keputusan penuh 5A atau 7A iaitu 8.78 peratus berbanding tahun sebelumnya, sebanyak 9.05 peratus.

"Tahun ini, peratusan calon cemerlang telah berkurangan 0.27 peratus daripada tahun lepas," katanya kepada pemberita semasa mengumumkan keputusan UPSR 2009 di Bilik Seri Budi, JPNP di sini hari ini.

Bagaimanapun ujar Mohd. Radzi, secara keseluruhan, 27,709 atau 61.77 peratus calon telah mencapai tahap penguasaan minimum iaitu peningkatan sebanyak 1.07 peratus berbanding tahun lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, banyak faktor menyebabkan penurunan bilangan calon cemerlang antaranya termasuk kemerosotan jumlah pelajar yang menduduki ujian tersebut tahun ini.

Selain itu katanya, pencapaian yang tidak stabil dalam kebanyakan mata pelajaran utama di sesetengah sekolah juga mempengaruhi keadaan tersebut.

"Prestasi beberapa mata pelajaran utama agak merosot. Peratusan mata pelajaran Bahasa Melayu agak mengecewakan dengan kefahaman menurun 0.89 peratus dan penulisan turun sebanyak 2.41 peratus.

"Turut berlaku pengurangan prestasi ialah Bahasa Inggeris sebanyak 2.25 peratus dan Bahasa Cina (Pemahaman) iaitu 0.33 peratus," katanya.

Walaupun kebanyakan mata pelajaran agak merosot, namun Matematik dan Sains menunjukkan peningkatan iaitu masing-masing 3.43 peratus dan 1.48 peratus.

Menjawab soalan mengenai pencapaian keseluruhan UPSR negeri ini berbanding negeri-negeri lain, Mohd. Radzi menjelaskan, ia kekal di tempat yang baik dan peningkatan serta penurunan pencapaian adalah pada kadar biasa.

"Walaupun ada penurunan dan sedikit peningkatan, namun kita menganggapnya sebagai statistik biasa," katanya.

Sumber: UTUSAN ONLINE, 20 November 2009 / 2 Zulhijjah 1430